

16/05/1997

Ramai ahli DAP beralih ke BN

SERI ISKANDAR, Khamis - Kebanyakan penduduk bandar di negara ini, termasuk pengundi di Teluk Intan kini menyokong kerajaan dan tidak lagi mudah terpengaruh dengan taktik menagih undi simpati oleh DAP.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat terutama di kawasan bandar kini semakin sedar pentingnya mereka menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) walaupun segelintirnya dulu menyokong propaganda DAP.

Menurutnya, rakyat kini menyokong kerajaan BN kerana mereka tahu pemimpinnya mengutamakan pembangunan negara ini yang boleh dibuktikan berbanding janji kosong pembangkang, terutama DAP.

"Saya nak tanya DAP bolehkah dia tunjuk sebuah lagi negara membangun yang mencapai pertumbuhan ekonomi sepesat Malaysia, iaitu sebuah negara yang tiada pengangguran melainkan orang itu sengaja tak nak bekerja, sebuah negara yang mana pendatang asing datang mencari kerja di sini.

"Ini semua bukan hasil DAP. DAP boleh kritik saja tetapi buat apa pun tidak boleh," katanya.

(END)